

Hubungan Tekanan Kerja dan Pengurusan Bilik Darjah dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah di Daerah Klang (Work Stress and Classroom Management Among Klang District Primary School Teachers)

HEMATHARSHINI SUBRAMANIAM & INTAN MARFARRINA OMAR*

ABSTRAK

Tekanan kerja dalam kalangan guru sekolah rendah sering menimbulkan isu kepuasan bekerja dan prestasi kerja. Kajian tinjauan ini mengukur tahap tekanan kerja dan tahap keberkesanan pengurusan bilik darjah dalam kalangan 856 guru-guru sekolah rendah di Daerah Klang, serta menentukan hubungan antara kedua-dua pembolehubah. Soal selidik telah digunakan sebagai instrumen dan data telah dianalisis secara deskriptif dan inferensi menggunakan korelasi Pearson. Dapatan menunjukkan guru-guru berpendapat mereka menghadapi tekanan kerja yang tinggi. Guru-guru juga berpersepsi bahawa mereka mempunyai keberkesanan pengurusan bilik darjah yang sangat tinggi secara keseluruhan. Kajian juga mendapati terdapat hubungan positif signifikan yang kuat antara tahap tekanan kerja dan tahap keberkesanan pengurusan bilik darjah ($r=.785$, $N=856$, $p<0.1$). Dapat disimpulkan bahawa guru-guru sekolah rendah di Daerah Klang berpendapat tekanan kerja yang tinggi tidak menjejaskan kualiti kerja mereka secara negatif. Implikasinya, punca tekanan kerja yang tinggi dalam kalangan guru perlu dikaji agar ianya dapat diatasi contohnya dengan cara mempelbagaikan tugas dan tanggungjawab dengan menggunakan berbagai-bagai instrumen dan kaedah alternatif, peralatan dan bahan bantu mengajar, serta menggunakan strategi dan kaedah pengurusan taktik menyelesaikan masalah secara berkumpulan agar guru-guru dapat memperoleh kepuasan kerja yang lebih tinggi seterusnya menyumbang kepada kualiti kerja yang lebih baik.

Kata Kunci: Tekanan Kerja, Pengurusan Bilik Darjah, Iklim dan Persekitaran Bilik Darjah, Komunikasi dan Interaksi, Pengajaran dan Pembelajaran di Bilik Darjah, Pengurusan Disiplin Murid

ABSTRACT

Job stress among primary school teachers often raises issues of job satisfaction and job performance. This survey study measured the level of work stress and the level of classroom management effectiveness among 856 primary school teachers in Klang District, as well as determining the relationship between the two variables. Questionnaires were used as instruments and data were analyzed descriptively and inferentially using Pearson correlation. Findings show that teachers think they face high level of work stress. Teachers also perceived that they had a very high level of overall classroom management effectiveness. The study also found that there was a strong significant positive relationship between the level of work stress and the level of classroom management effectiveness ($r=.785$, $N=856$, $p<0.1$). It can be concluded that primary school teachers in Klang District think that high work pressure does not negatively affect the quality of their work. The implication is that the causes of high work stress among teachers need to be studied so that it can be overcome for example by diversifying tasks and responsibilities by using various instruments and alternative methods, equipment and teaching aids, as well as using strategies and methods of group problem solving tactics. so that teachers can obtain higher job satisfaction in turn contributing to better work quality.

Key Words: Work Stress, Classroom Management, Climate and Environment of the Classroom, Communication and Interaction, Teaching and Learning in Classroom, Management of Student Discipline

PENGENALAN

Kerjaya perguruan sering dilihat sebagai satu kerjaya yang berhadapan dengan tekanan kerja, kerana profesion ini merupakan suatu bentuk perkhidmatan sosial yang amat mencabar untuk memenuhi kepentingan negara. Kajian-kajian lepas menunjukkan

bahawa kedudukan profesion perguruan berada di tempat keempat dalam kategori perkhidmatan awam yang mempunyai tekanan kerja yang tinggi selepas pegawai polis, pegawai penjara dan jururawat (Hong & Ismail 2017). Selain mengajar, guru-guru juga perlu membuat kerja-kerja pentadbiran dan pengkeranian yang menyebabkan mereka menhadapi tekanan kerja

yang tidak terkawal. Menurut Muttalip et al. (2021), tekanan kerja yang dialami oleh guru merangkumi elemen-elemen seperti jumlah jam bekerja, tanggungjawab yang perlu dijalankan, pekerjaan rutin dan bukan rutin yang melampaui keupayaan dan kemampuan guru dalam satu masa.

Tekanan kerja guru yang merangkumi konflik, beban tugas, peranan dan percanggahan dalam tanggungjawab merupakan situasi yang sukar dibendung oleh setiap individu yang bergelar guru. Keadaan ini bukan sahaja menjejaskan kesihatan diri mereka, bahkan berkemungkinan boleh merosakkan kualiti kerja. Berdasarkan kajian-kajian yang lepas, dinyatakan bahawa elemen seperti beban tugas dan kekangan masa faktor utama yang menyumbang kepada tahap tekanan kerja yang tinggi dalam kalangan guru-guru sekolah rendah (Hong & Ismail 2017). Disokong pula dengan pendapat Siti Rohani (1991), secara rasminya guru-guru perlu bekerja selama 28 jam seminggu di sekolah tetapi jumlah waktu yang digunakan oleh guru-guru dengan melibatkan diri kerja-kerja sekolah adalah sebanyak 44 jam dan menggunakan sebanyak 16 jam untuk menyiapkan semua tugas sekolah. Amin et al. (2019) mendapati bahawa disebabkan pelbagai faktor persekitaran yang tidak sihat secara jasmani dan rohani, 71.1 peratus daripada jumlah guru-guru di kawasan lembah Klang mengalami pelbagai masalah berkaitan tekanan tugas, dan ini adalah sangat membimbangkan.

Tidak dinafikan bahawa tugas guru bukan hanya mengajar semata-mata. Di samping mengajar dan berdepan dengan pelbagai karenah pelajar, seseorang guru itu juga dituntut untuk melaksanakan pelbagai tugas lain yang sudah menjadi rutin pekerjaan mereka (Ishak & Rusman 2018). Umpamanya, guru dikehendaki membuat persediaan mengajar, menyemak kerja bertulis pelajar, mengisi borang, mengutip yuran, mengemaskini kedatangan pelajar, menyediakan laporan prestasi, menyediakan soalan ujian dan peperiksaan, mengurus hal ehwal kebajikan pelajar, memberi bimbingan dan kaunseling dan lain-lain lagi bagi memajukan pelajarannya. Adakalanya, guru itu bukan sekadar berperanan sebagai pengurus di peringkat sekolah, tetapi juga di peringkat daerah dan kebangsaan. Jelaslah bahawa guru mempunyai tugas harian, mingguan dan tahunan yang penuh mencabar dan profesion perguruan ini adalah sukar (Ishak & Rusman 2018).

Tekanan kerja guru yang tidak dibendung berkemungkinan boleh merosakkan kualiti kerja guru, bukan sahaja dari segi keberkesanan proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc), malah juga pengurusan bilik darjah. Pengurusan bilik darjah adalah salah satu komponen penting dalam pencapaian pendidikan. Pengurusan bilik darjah yang baik hanya boleh dicapai berdasarkan kemampuan guru dan dalam membuat perancangan dan mengaplikasikannya secara efektif

selaras dengan kepatuhan pelajar kepada norma bilik darjah (Apak & Taat 2018). Pengurusan bilik darjah yang berkesan bergantung pada kemampuan guru untuk membuat persediaan dengan berkesan, menyampaikan isi kandungan secara konsisten, mengawal pelajar tingkah laku dan mengekalkan rekod kelas (Kamarudin & Taat 2020; Antin & Kiflee 2018; Lius & Mahamod 2021; Ariffin et al. 2021), sementara pelajar sebaliknya diharapkan mematuhi dengan peraturan kelas dan ikut bimbingan guru. Oleh itu, pelajar akan dapat untuk mendapat markah yang baik dalam peperiksaan, menguruskan masa dengan berkesan, menggambarkan amalan tingkah laku positif, mengambil bahagian secara aktif dalam kelas dan mengekalkan kecerdasan umum. Tekanan kerja yang melampau terhasil daripada pelbagai isu yang terpaksa dihadapi oleh tenaga pengajar memberikan kesan kepada pengurusan bilik darjah dan sejurusnya menjejaskan kualiti pendidikan dan merosotkan pencapaian murid (Gilmour et al. 2022). Untuk mencari jalan penyelesaian bagi masalah tekanan kerja guru serta kaitannya dengan keberkesanan pengurusan bilik darjah, kajian ini mengukur tahap kedua-dua aspek ini serta dianalisis kaitannya. Berikut merupakan objektif-objektif dan hipotesis-hipotesis kajian ini:

1. Untuk mengukur tahap tekanan kerja dalam kalangan guru sekolah rendah daerah Klang
2. Untuk mengukur tahap keberkesanan pengurusan bilik darjah dalam kalangan guru sekolah rendah daerah Klang
3. Untuk mengenalpasti hubungan antara tekanan kerja dan pengurusan bilik darjah dalam kalangan guru sekolah rendah daerah Klang

H₀: Tidak terdapat hubungan yang signifikan yang negatif antara tekanan kerja dan pengurusan bilik darjah dalam kalangan guru sekolah rendah daerah Klang

H_A: Terdapat hubungan yang signifikan yang negatif antara tekanan kerja dan pengurusan bilik darjah dalam kalangan guru sekolah rendah daerah Klang

TEORI DAN KONSEP TEKAPAN KERJA

Tekanan kerja atau lebih umumnya dikenali dengan terma "stres" dalam kalangan guru adalah secara spesifikasinya menjadi isu yang sensitif di pelbagai negara pada peringkat antarabangsa. Rajah 1 menunjukkan model punca dan kesan tekanan.


Menurut definisi oleh Warr dan Wall (1975), tekanan kerja merupakan satu keadaan atau pengalaman setiap individu dalam menghadapi perasaan psikologi seperti keresahan, ketakutan, kegelisahan, ketegangan dan sebagainya yang berlaku

daripada unsur-unsur pekerjaan mereka. Tambahan pula, stres yang wujud akibat daripada pekerjaan berlaku akibat daripada faktor luaran yang negatif seperti keberatan tugas yang dimiliki, perselisihan dan konflik tugas, kekurangan kepuasan melakukan kerja dan lain-lain. Cooper dan Marshall (1976) membahagikan tekanan kerja kepada tiga kelas, iaitu isu teknikal, isu hubungan dalam sesuatu organisasi, dan isu komunikasi. Borg et al. (1991) dan Boyle et al. (1995) pula merumuskan dan memendekkan senarai faktor tekanan kerja guru dengan merekabentuk satu model tekanan kerja guru. Chan et al. (1995) menyenaraikan lima punca tekanan kerja iaitu beban tugas, salah laku pelajar, penghargaan professional, kekangan masa dan sumber serta hubungan interpersonal yang kurang disenangi.

Dalam konteks kajian ini, Tee Sook Kim (2006) menyatakan bahawa faktor wujudnya tekanan boleh dikategorikan kepada dua bahagian iaitu penyebab

tekanan organisasi yang megandung perubahan dalam keadaan kehidupan dan pengalaman yang tidak disenangi dalam kehidupan individu tersebut manakala kategori kedua ialah penyebab tekanan organisasi yang megandung berbagai aspek yang berkaitan dengan organisasi seperti keperluan tugas dan tanggungjawab, keperluan fizikal, peranan dan kemahiran interpersonal.

Kenyataan diatas disokong oleh pendapat Farber (1991), bahawa penekanan terhadap pengalaman yang tidak disenangi dan kurang menyelerakan disebabkan oleh faktor tekanan sesebuah organisasi yang kian meningkat akan mewujudkan keadaan “burnout” dalam kalangan individu yang terima ganjaran dan wang berpatutan dengan kerja yang dibuat, misalnya golongan bertahap idealistik dan kurang berkeupayaan dalam keadaan menyesuaikan dan mengendalikan isu dalam organisasi serta stres diri.



RAJAH 1. Model Punca dan Kesan Tekanan

TEORI DAN KONSEP PENGURUSAN BILIK DARJAH

Mohd Hasani dan Mohamad Johdi (2009) mendefinisikan pengurusan bilik darjah sebagai satu kemahiran dan pengetahuan untuk menjamin keberkesanan, kelangsungan dan kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Ini akan mewujudkan situasi yang seronok kepada guru dan pelajar sekaligus memberikan mereka satu pengalaman yang bererti. Choong (2009) menyatakan konsep bilik darjah dikategorikan kepada dua perspektif, iaitu tempat yang menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran dan sistem ekologi yang mewujudkan komunikasi dan interaksi bilik darjah. Tambahan pula, Mok (2011) menyatakan bahawa pengurusan bilik darjah merupakan satu inisiatif dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran dengan iklim

yang kondusif dan selesa untuk melancarkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran selaras dengan pencapaian objektif dan misi bilik darjah dicapai oleh guru yang terlibat.

Kamarudin dan Taat (2020) menyatakan bahawa pengurusan bilik darjah yang berkesan meliputi beberapa elemen seperti ciri peribadi seseorang guru, rutin dan peraturan bilik darjah, iklim bilik darjah dan hubungan antara aspek pengurusan dan pengajaran. Beliau juga menekankan bahawa usaha mewujudkan bilik darjah yang kondusif, setiap guru perlu mempunyai beberapa ciri dan sifat pengurus seperti tegas, demokratik, pengasih dan prihatin. Beliau turut menambah bahawa gaya kepimpinan seseorang guru amat mempengaruhi pengurusan sesebuah bilik darjah dari segi iklim dan suasananya yang mengutamakan kemajuan pelajaran, interaksi dan penglibatan pelajar

yang aktif dalam pengajaran. Kenyataan ini turut disokong oleh Noraini & Shuki (2009) bahawa pengurusan bilik darjah yang baik akan mewujudkan keadaan dan situasi pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti untuk meningkatkan tahap motivasi pelajar dan tanggungjawab para guru serta memupuk kebolehan dalam usaha merencanakan dengan baik.

Pengurusan bilik darjah dilihat sebagai tugas yang merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran, kesabaran dan komitmen tahap tinggi dan optimum bagi mencapai objektif proses pendidikan dan impak yang efektif dalam kalangan pelajar. Setiap guru perlu menyiapkan diri dengan maklumat yang penuh tentang bilik darjah dan para pelajarnya terlebih dahulu sebelum memulakan sesuatu kelas tersebut. Persediaan guru terhadap elemen JERIS (jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial) yang lengkap membolehkan proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan dengan lancar dan cemerlang (Hong & Ismail 2017).

Dengan berlandaskan model, teori, konsep, dan proses, terdapat beberapa pembolehubah-pembolehubah yang boleh mempengaruhi tekanan kerja guru seperti iklim kerja, hubungan sosial dengan pihak pentadbir dan rakan sekerja, beban tugas, disiplin murid dan persekitaran kerja, manakala elemen-elemen dalam pengurusan bilik darjah seperti iklim dan persekitaran bilik darjah (fizikal, sosial, emosi), komunikasi dan interaksi, pengurusan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah dan pengurusan disiplin murid mempengaruhi keberkesanan pengurusan bilik darjah oleh seseorang guru.

KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN


Rajah 2 menunjukkan hubungan antara tekanan kerja guru selaku pembolehubah bebas dan tahap keberkesanan pengurusan bilik darjah selaku pembolehubah bersandar.

Elemen-elemen dalam aspek pengurusan bilik darjah meliputi elemen iklim dan persekitaran bilik darjah, iaitu dari segi fizikal, sosial dan emosi meliputi proses sesebuah organisasi dalam merancang dan menggunakan perkara-perkara yang berkaitan dengan tempat duduk murid, bahan bantu mengajar, papan pameran dalam kelas dan berbagai-bagai perabot lain dengan sempurna dan teratur. Kedua, elemen komunikasi dan interaksi meliputi proses menyampaikan mesej tidak kira secara lisan atau bertulis oleh guru. Ini adalah kerana komunikasi dan interaksi merupakan dua kunci utama dalam satu

proses menyampaikan maklumat, mesej, isyarat dan kandungan pengajaran kepada para murid di dalam sesebuah bilik darjah tersebut. Komponen yang ketiga ialah pengurusan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Setiap guru wajib mempunyai perancangan yang rapi dan bersesuaian dengan kehendak pelajar dan sukatan mata pelajaran supaya proses pengajaran, pembelajaran dan pemudahcaraan yang dilaksanakan dalam bilik darjah berlaku tanpa sebarang halangan dan sentiasa mencapai objektif dan matlamat perancangan pengajaran setiap hari oleh guru tersebut. Yang terakhir ialah aspek pengurusan disiplin murid di dalam pengurusan bilik darjah. Pengawasan dan pemerhatian terhadap disiplin murid di dalam bilik darjah merupakan proses yang amat penting dalam hal ini. Ini adalah kerana apabila murid-murid menunjukkan tingkah laku atau perwatakan yang bermasalah atau kekurangan disiplin wujud dalam sesuatu bilik darjah, maka ia akan menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran berkenaan.

Elemen-elemen dalam aspek tekanan kerja guru pula meliputi elemen iklim kerja guru itu sendiri, iaitu persekitaran tempat kerja yang mempengaruhi aspek fizikal, sosial dan emosi guru tersebut. Hubungan sosial dengan pihak pentadbir dan rakan sekerja juga mempengaruhi darjah tekanan kerja yang dialami oleh guru-guru. Elemen ketiga, iaitu beban tugas pula bermaksud kerja-kerja hakiki guru iaitu mengajar serta kerja-kerja lain seperti perkeranian dan menjaga kebajikan murid-murid. Elemen keempat, iaitu disiplin murid juga mempengaruhi tekanan kerja guru kerana semakin berdisiplin dan mudah dikawal seseorang murid tersebut, semakin senanglah kerja guru tersebut. Yang kelima, iaitu persekitaran kerja juga menyumbang kepada tahap tekanan kerja guru, contohnya dari segi aspek keselamatan dan keselesaan fasiliti yang disediakan oleh pihak sekolah.

Berdasarkan kerangka di atas, dapat ditunjukkan bahawa dijangka terdapatnya hubungan yang negatif antara tekanan kerja guru dan tahap keberkesanan dalam pengurusan bilik darjah, di mana semakin tinggi tahap tekanan kerja, semakin rendah tahap keberkesanan pengurusan bilik darjah. Gilmour et al (2022) dalam kajian mereka mendapati bahawa tekanan kerja guru mempunyai pengaruh kepada keberkesanan pengurusan bilik darjah guru secara negatif dan signifikan. Dalam kajian ini, hubungan kedua-dua aspek tekanan kerja guru dan pengurusan bilik darjah dikaji dalam kajian ini dalam konteks guru-guru di Daerah Klang.



RAJAH 2. Kerangka Konseptual Kajian

METODOLOGI KAJIAN

REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian tinjauan silang rentas. Tinjauan dipilih sebagai reka bentuk kajian kerana cara ini lebih praktikal dengan melibatkan kuantiti responden yang banyak dan kaedah mengutip data juga dapat dicapai dalam jangka masa yang pendek (Creswell 2002). Analisis terhadap kajian lepas dijalankan secara mendalam dan teliti untk mengenal pasti konsep dan teori tekanan kerja guru serta elemen-elemen dalam pengurusan bilik darjah dalam kalangan guru sekolah rendah. Kajian ini telah mendapat kelulusan etika dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (Rujukan: KPM.600-3/2/3-eras (10026), Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (Rujukan: JPNS.SPD.600-1/1/2 JLD.14 (18), Pejabat Pendidikan Daerah Klang, kelulusan etika oleh Universiti Malaya (Rujukan: UM.P/PP(IT)/644/2 dan keizinan telah diberikan oleh pihak pentadbiran sekolah tempat kajian ini dilakukan (Rujukan: SKSB 100-1/9/1). Semua responden telah memberikan persetujuan sebelum terlibat dalam kajian ini dan data peribadi mereka telah dijamin terpelihara.

POPULASI DAN SAMPEL KAJIAN

Responden utama kajian adalah guru-guru sekolah rendah di seluruh daerah Klang yang merangkumi 93 sekolah secara keseluruhan, yang dibahagikan kepada 58 buah Sekolah Kebangsaan (SK), 21 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJJC), dan 14 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Populasi kajian adalah

seramai 5,699 guru sekolah rendah daerah Klang yang dikategorikan kepada 3,992 orang guru SK, 1,226 orang guru SJJC dan 481 orang guru SJKT; data ini telah diperoleh daripada data repositori Kementerian Pendidikan Malaysia. Disebabkan populasi yang terlalu besar, kaedah persampelan rumpun pelbagai peringkat (kluster atas kluster) telah digunakan untuk menetapkan saiz sampel yang tepat.

JADUAL 1. Penentuan Saiz Sampel Sekolah

Jenis Sekolah	Populasi Sekolah	Sampel Sekolah
SK	58	48
SJJC	21	18
SJKT	13	9

JADUAL 2. Penentuan Saiz Sampel Guru

Jenis Sekolah	Populasi Guru	Sampel Guru
SK	3,992	351
SJJC	1,226	291
SJKT	481	214

Untuk mengaplikasikan kaedah persampelan rumpun pelbagai peringkat, senarai nama sekolah rendah di seluruh daerah Klang telah diperoleh dan saiz sampel sekolah rendah berdasarkan jenis (SK, SJJC dan SJKT) telah ditentukan. Dengan menggunakan jadual Krejcie dan Morgan (1970), 76 sekolah rendah daripada jumlah keseluruhan di daerah Klang telah disampelkan. Seterusnya, jumlah bilangan guru di semua jenis sekolah rendah telah diperoleh dan saiz sampel guru sekolah rendah yang akan digunakan dalam kajian mengikut jenis sekolah telah ditentukan.

Dengan menggunakan Jadual Krejcie dan Morgan (1970), 856 bilangan responden telah dikenalpasti yang merangkumi 351 guru SK, 291 guru SJK(C), dan 214 guru SJK(T).

INSTRUMEN KAJIAN

Borang soal selidik telah digunakan sebagai instrumen untuk mengumpulkan data. Soal selidik ini telah melalui proses kesahan muka oleh pakar-pakar dalam bidang pendidikan serta telah melalui proses kajian rintis kepada responden yang mempunyai latar belakang yang lebih kurang sama dengan responden kajian ini. Hasil kajian rintis mendapati soal selidik ini mempunyai kebolehpercayaan Cronbach's Alpha yang memuaskan.

Borang ini mengandungi sebanyak 61 item yang merangkumi 3 bahagian. Iaitu Bahagian A, B, dan C. Bahagian A: Maklumat Demografi Responden mengumpul maklumat tentang responden, mengandungi lapan item yang difokuskan kepada jantina, umur, keturunan, status perkahwinan, kelulusan akademik tertinggi, tempat bertugas, gred jawatan dan tempoh perkhidmatan perguruan). Bahagian B: Tahap Tekanan Kerja Guru mengandungi sebanyak 20 soalan yang berpandukan Skala Likert 5-poin (1: Tidak Pernah; 2: Jarang; 3: Kadang-kadang; 4: Kerap; 5: Agak Kerap). Item bahagian ini meliputi soalan-soalan yang berkaitan pemikiran, masalah kesihatan, isu mental dan emosi, kualiti kerja, gaya hidup, dan hubungan interpersonal. Bahagian C: Tahap Keberkesanan Pengurusan Bilik Darjah dikategorikan kepada enam sub-komponen dengan setiap sub-komponen mempunyai item tersendiri sebagai soalan untuk mengukur tahap sub-elemen itu terhadap pengurusan bilik darjah. Tafsiran pengukuran tahap keberkesanan pengurusan bilik darjah menggunakan Skala Likert 5-poin (1: Sangat Tidak Setuju; 2: Tidak Setuju; 3: Neutral; 4: Setuju; 5: Sangat Setuju). Sub-komponen yang pertama ialah iklim dan persekitaran bilik darjah (iklim fizikal) mempunyai 8 soalan, bahagian kedua ialah iklim dan persekitaran bilik darjah (iklim sosial) mempunyai 6 soalan, bahagian ketiga iklim dan persekitaran bilik darjah (iklim emosi) mengandungi 4 soalan, bahagian keempat ialah komunikasi dan interaksi dengan 5 soalan, bahagian kelima ialah pengurusan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah dengan 5 soalan dan yang terakhir ialah pengurusan disiplin murid dengan 5 soalan.

KAEDAH ANALISIS DATA

Kajian ini menggunakan statistik deskriptif dan inferensi bagi menganalisis data. Tahap tekanan kerja dan tahap keberkesanan pengurusan bilik darjah dalam kalangan guru telah dianalisis menggunakan statistik deskriptif yang merangkumi kekerapan, min dan sisihan piawai. Menurut pandangan Mokhtar (1998),

penggunaan jumlah skor keseluruhan item soal selidik bagi mengenalpasti tahap tekanan kerja guru adalah cara yang paling tepat dan sesuai dalam meneliti tahap tekanan kerja apabila dibandingkan dengan kaedah pengukuran berasaskan satu item tunggal sahaja. Oleh itu, pengkaji menetapkan pengkelasan tahap tekanan kerja guru berdasarkan jumlah skor min untuk menunjukkan data dengan lebih terperinci seperti dalam Jadual 3.

Untuk mengenalpasti hubungan antara tekanan kerja dan pengurusan bilik darjah, ujian korelasi Pearson telah digunakan pada aras signifikansi 0.05. Tahap kekuatan hubungan antara pemboleh ubah yang terlibat ditentukan berdasarkan skala yang ditunjukkan dalam Jadual 4 berikut. Perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 25.0 telah digunakan untuk memproses dan menganalisis kesemua data.

JADUAL 3. Kaedah Pengkelasan Tahap Tekanan Kerja Guru berdasarkan Skor Min

Tahap Tekanan Kerja Guru	Jumlah Skor
Sangat rendah	1.00-1.89
Rendah	1.90-2.69
Sederhana	2.70-3.49
Tinggi	3.50-4.29
Sangat tinggi	4.30-5.00

JADUAL 4. Kekuatan Hubungan Korelasi

Julat	Tahap
0	Tiada Korelasi
0.00-0.25	Korelasi Lemah
0.25-0.50	Korelasi Sederhana
0.50-0.99	Korelasi Kuat
1	Korelasi Sempurna

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

TAHAP TEKanan KERJA GURU

Jadual 5 di bawah menunjukkan respon bagi item-item soal selidik bagi aspek tahap tekanan kerja dalam kalangan guru sekolah rendah Daerah Klang.

Dapatan menunjukkan terdapat 3 item soal selidik yang merekodkan tahap tekanan kerja yang sangat tinggi dalam kalangan responden, iaitu TTKG1, TTKG5, dan TTKG17. Semua item yang lain menunjukkan tahap tekanan kerja yang tinggi, iaitu TTKG2, TTKG3, TTKG4, TTKG5, TTKG7, TTKG9, TTKG10, TTKG11, TTKG12, TTKG13, TTKG14, TTKG15, TTKG16, TTKG18, dan TTKG19. Di samping itu, terdapat 3 item yang mempunyai tahap tekanan kerja yang sederhana, iaitu TTKG6, TTKG8, dan TTKG20. Tiada satu pun item yang menunjukkan tahap tekanan kerja yang rendah.

Purata min tahap tekanan kerja guru merupakan 3.7801, yang menunjukkan purata tahap tekanan kerja yang tinggi dalam kalangan guru-guru sekolah rendah

di Daerah Klang. Dapatan ini menyokong dapatan dari kajian Amin et al. (2019) yang dijalankan beberapa tahun yang lepas, yang mendapati bahawa 71.1 peratus daripada jumlah guru-guru di kawasan lembah Klang mengalami pelbagai masalah berkaitan tekanan tugas disebabkan pelbagai faktor persekitaran yang tidak

sihat secara jasmani dan rohani. Berikutan dapatan kajian ini, dapat diulas bahawa tahap tekanan kerja guru yang tinggi adalah tidak berubah. Hal ini membimbangkan kerana tekanan yang tinggi dapat menjejaskan kesihatan fizikal, mental, emosi dan rohani guru-guru tersebut.

JADUAL 5. Tahap Tekanan Kerja dalam Kalangan Guru

Kod	Item	1 K (%)	2 K (%)	3 K (%)	4 K (%)	5 K (%)	Min	SP	Tahap
TTK G1	Saya mempunyai pemikiran negatif dan perasaan tertekan yang berpanjangan akibat dari masalah yang berkaitan.	26 (3.0)	35 (4.1)	152 (17.8)	295 (34.5)	348 (40.7)	4.4561	1.00949	Sangat tinggi
TTK G2	Saya menghadapi masalah dalam membuat keputusan.	29 (3.4)	50 (5.8)	188 (22.0)	316 (36.9)	273 (31.9)	3.8808	1.03158	Tinggi
TTK G3	Kecekapan dalam pekerjaan berkurangan berbanding dengan dahulu.	33 (3.9)	96 (11.2)	160 (18.7)	272 (31.8)	295 (34.5)	3.8178	1.13816	Tinggi
TTK G4	Kualiti kerja saya telah merosot.	81 (9.5)	66 (7.7)	198 (23.1)	237 (27.7)	274 (32.0)	3.6507	1.26147	Tinggi
TTK G5	Saya berasa sangat letih dari segi rohani, emosi dan fizikal selepas kerja.	17 (2.0)	33 (3.9)	129 (15.1)	269 (31.4)	408 (47.7)	4.3893	.96205	Sangat tinggi
TTK G6	Saya kerap menghadapi selesema dan jangkitan virus pada hari bekerja.	172 (20.1)	201 (23.5)	274 (32.0)	143 (16.7)	66 (7.7)	2.6846	1.19003	Sederhana
TTK G7	Saya berpendapat bahawa perubahan tabiat makanan (makanan berlebihan/kurang) disebabkan masalah yang berkaitan dengan kerja.	71 (8.3)	73 (8.5)	205 (23.9)	268 (31.3)	238 (27.9)	3.6203	1.20990	Tinggi
TTK G8	Saya menggunakan ubat untuk mengurangkan perasaan cemas dan bimbang disebabkan oleh kerja.	126 (14.7)	85 (9.9)	188 (22.0)	237 (27.7)	220 (25.7)	3.3972	1.35550	Sederhana
TTK G9	Saya berpendapat bahawa peningkatan kelalaian dalam menjalankan tugas telah meningkat.	66 (7.7)	91 (10.6)	182 (21.3)	246 (28.7)	271 (31.7)	3.6600	1.23879	Tinggi
TTK G10	Saya kerap berasa bosan semasa bekerja.	41 (4.8)	60 (7.0)	173 (20.2)	259 (30.3)	323 (37.7)	3.8914	1.13163	Tinggi
TTK G11	Saya berasa kurang sensitif terhadap perasaan orang lain di tempat kerja.	52 (6.1)	76 (8.9)	198 (23.1)	257 (30.0)	273 (31.9)	3.7278	1.17457	Tinggi
TTK G12	Saya berasa kewujudan hubungan yang tegang dengan pihak atasan dan rakan sekerja di tempat kerja.	43 (5.0)	81 (9.5)	172 (20.1)	238 (27.8)	322 (37.6)	3.8353	1.17567	Tinggi
TTK G13	Saya kurang tumpuan semasa melaksanakan sesuatu tugas.	49 (5.7)	83 (9.7)	168 (19.6)	258 (30.1)	298 (34.8)	3.7862	1.18464	Tinggi
TTK G14	Saya berasa ketidakpuasan terhadap kerja.	54 (6.3)	89 (10.4)	157 (18.3)	224 (26.2)	332 (38.8)	3.8072	1.23269	Tinggi
TTK G15	Saya kerap muram, cepat marah dan tidak sabar semasa bekerja.	50 (5.8)	52 (6.1)	132 (15.4)	237 (27.7)	385 (45.0)	3.9988	1.17229	Tinggi
TTK G16	Saya kurang ataupun tiada semangat sewaktu bekerja.	43 (5.0)	55 (6.4)	159 (18.6)	276 (32.2)	323 (37.7)	3.9124	1.12517	Tinggi
TTK G17	Saya berasa letih yang berpanjangan di tempat kerja	24 (2.8)	32 (3.7)	121 (14.1)	222 (25.9)	457 (53.4)	4.3336	1.01178	Sangat tinggi

	walaupun selepas mendapat tidur yang mencukupi.									
TTK G18	Saya kerap berasa kecewa bahawa saya kurang berkemampuan dalam mengendalikan tahap tekanan kerja yang semakin tinggi.	31 (3.6)	98 (11.4)	175 (20.4)	228 (26.6)	324 (37.9)	3.8364	1.15829	Tinggi	
TTK G19	Saya keinginan untuk menarik diri dari tuntutan pekerjaan.	94 (11.0)	107 (12.5)	182 (21.3)	247 (28.9)	226 (26.4)	3.4720	1.29927	Tinggi	
TTK G20	Saya kerap berfikir untuk meletak jawatan ataupun bertukar tempat kerja.	101 (11.8)	122 (14.3)	163 (19.0)	236 (27.6)	234 (27.3)	3.4439	1.33741	Sederhana	
	Purata						3.7801	1.1701	Tinggi	

JADUAL 6. Tahap Keberkesanan Pengurusan Bilik Darjah Guru

Kod	Item	1 K (%)	2 K (%)	3 K (%)	4 K (%)	5 K (%)	Min	SP	Tahap
<u>Iklm dan Persekitaran Bilik Darjah (Iklim Fizikal)</u>									
F1	Saya memastikan kemudahan fizikal bilik darjah seperti penyusunan perabot dan peralatan sentiasa tersusun.	1 (0.1)	3 (0.4)	48 (5.6)	152 (17.8)	652 (76.2)	4.6951	.59963	Sangat tinggi
F2	Saya memastikan penyusunan tempat duduk pelajar sentiasa rapi dalam kumpulan.	0 (0.0)	4 (0.5)	40 (4.7)	272 (31.8)	540 (63.1)	4.5748	.60525	Sangat tinggi
F3	Saya memastikan kebersihan bilik darjah sentiasa terjaga mengikut jadual pembersihan murid.	2 (0.2)	2 (0.2)	47 (5.5)	249 (29.1)	556 (65.0)	4.5829	.62885	Sangat tinggi
F4	Saya memastikan ruang pembelajaran murid dibahagikan kepada sudut pembelajarn tertentu bagi membolehkan sudut tertentu memainkan peranan berlainan.	0 (0.0)	4 (0.5)	42 (4.9)	261 (30.5)	549 (64.1)	4.5829	.60805	Sangat tinggi
F5	Saya memastikan pencahayaan di dalam bilik darjah mencukupi dan kalau ada kerosakan, mengambil tindakan secepat mungkin untuk menukarnya.	1 (0.1)	6 (0.7)	37 (4.3)	269 (31.4)	543 (63.4)	4.5736	.62254	Sangat tinggi
F6	Saya memastikan untuk sentiasa mengkolaborasikan peralatan dan kemudahan teknologi di dalam bilik darjah.	0 (0.0)	4 (0.5)	57 (6.7)	289 (33.8)	506 (59.1)	4.5152	.64146	Sangat tinggi
F7	Saya memastikan kualiti udara dalaman bilik darjah mncukupi dengan membuka pintu dan tingkap.	2 (0.2)	6 (0.7)	38 (4.4)	285 (33.3)	525 (61.3)	4.2479	.53801	Tinggi
F8	Saya memastikan penyediaan sudut pembelajaran sentiasa dilengkapi dengan bahan pembelajaran terkini.	1 (0.1)	5 (0.6)	54 (6.3)	280 (32.7)	516 (60.3)	4.5245	.65202	Sangat tinggi
	Purata						4.5371	.61198	Sangat tinggi
<u>Iklm dan Persekitaran Bilik Darjah (Iklim Sosial)</u>									
S1	Saya memastikan pergerakan pelajar selamat di dalam bilik darjah tanpa sebarang halangan.	2 (0.2)	3 (0.4)	34 (4.0)	266 (31.1)	551 (64.4)	4.5900	.60897	Sangat tinggi
S2	Saya memastikan tingkah laku pelajar terkawal semasa mengajar.	2 (0.2)	4 (0.5)	30 (3.5)	311 (36.3)	509 (59.5)	4.5432	.61216	Sangat tinggi

S3	Saya memastikan sentiasa mewujudkan peluang untuk membuat perbincangan kumpulan pada setiap waktu pengajaran.	0 (0.0)	5 (0.6)	49 (5.7)	295 (34.5)	507 (59.2)	4.5234	.63202	Sangat tinggi
S4	Saya memastikan sesi soal jawab dan sesi pertanyaan soalan spontan daripada murid pada setiap waktu pengajaran di dalam bilik darjah.	0 (0.0)	1 (0.1)	47 (5.5)	291 (34.0)	517 (60.4)	4.5467	.60421	Sangat tinggi
S5	Saya memastikan murid-murid sentiasa berbudi Bahasa semasa bertutur di dalam bilik darjah.	0 (0.0)	7 (0.8)	35 (4.1)	253 (29.6)	561 (65.5)	4.5981	.60963	Sangat tinggi
S6	Saya memastikan murid-murid mematuhi prosedur dalam peminjaman dan pemulangan bahan pembelajaran di dalam bilik darjah.	2 (0.2)	7 (0.8)	38 (4.4)	284 (33.2)	525 (61.3)	4.1426	.54366	Tinggi
Purata							4.4907	.60178	Sangat tinggi
<u>Iklm dan Persekitaran Bilik Darjah (Iklm Emosi)</u>									
E1	Saya memiliki kemahiran komunikasi yang efisien dan efektif dalam bilik darjah.	1 (0.1)	3 (0.4)	42 (4.9)	293 (34.2)	517 (60.4)	4.5444	.61778	Sangat tinggi
E2	Saya mewujudkan situasi yang mesra dan fleksibel di dalam bilik darjah.	3 (0.4)	5 (0.6)	34 (4.0)	294 (34.3)	520 (60.7)	4.2256	.53635	Tinggi
E3	Saya berusaha mengurangkan perasaan takut dan suasana tegang dalam kalangan pelajar di dalam bilik darjah.	2 (0.2)	4 (0.5)	33 (3.9)	283 (33.1)	534 (62.4)	4.5689	.61552	Sangat tinggi
E4	Saya sentiasa memotivasikan pelajar dengan pemberian ganjaran dan pujian di dalam bilik darjah.	0 (0.0)	10 (1.2)	48 (5.6)	270 (31.5)	528 (61.7)	4.5374	.65677	Sangat tinggi
Purata							4.4691	.60661	Sangat tinggi
<u>Komunikasi dan Interaksi</u>									
K1	Saya memupuk konsep demokrasi dalam perbincangan dan komunikasi di dalam bilik darjah.	2 (0.2)	7 (0.8)	45 (5.3)	281 (32.8)	521 (60.9)	4.2327	.55702	Tinggi
K2	Saya menggunakan bahasa yang mudah difahami oleh murid-murid dalam bilik dajah untuk berkomunikasi.	1 (0.1)	3 (0.4)	39 (4.6)	266 (31.1)	547 (63.9)	4.5829	.60805	Sangat tinggi
K3	Saya sentiasa bersedia untuk mendengar luahan perasaan dan masalah murid di dalam bilik darjah.	2 (0.2)	5 (0.6)	44 (5.1)	273 (31.9)	532 (62.1)	4.5514	.64322	Sangat tinggi
K4	Saya sentiasa menghormati perasaan murid-murid tanpa menyinggung perasaan mereka.	3 (0.4)	5 (0.6)	39 (4.6)	262 (30.6)	547 (63.9)	4.5713	.64314	Sangat tinggi
K5	Saya dapat menyesuaikan diri dengan segala situasi yang meliputi pelajar di dalam bilik darjah.	2 (0.2)	4 (0.5)	36 (4.2)	257 (30.0)	557 (65.1)	4.5923	.61816	Sangat tinggi
Purata							4.5061	.61392	Sangat tinggi
<u>Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran di dalam Bilik Darjah</u>									
P1	Saya memastikan murid-murid dilibatkan dengan aktif di dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.	1 (0.1)	4 (0.5)	26 (3.0)	266 (31.1)	559 (65.3)	4.6098	.58407	Sangat tinggi

P2	Saya sentiasa memastikan penggunaan pelbagai kaedah dan bahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah untuk kefahaman murid yang lebih lanjut.	2 (0.2)	2 (0.2)	26 (3.0)	300 (35.0)	526 (61.4)	4.2724	.58988	Sangat tinggi
P3	Saya sentiasa memastikan isi pelajaran dikaitkan dengan pengetahuan dan pengalaman murid-murid pada setiap waktu pengajaran di dalam bilik darjah.	0 (0.0)	4 (0.5)	34 (4.0)	288 (33.6)	530 (61.9)	4.2701	.49412	Tinggi
P4	Saya memastikan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah dilakukan dengan mengambil berat tentang perbezaan pengetahuan, kapasiti penerimaan dan kefahaman murid secara individu.	0 (0.0)	5 (0.6)	33 (3.9)	247 (28.9)	571 (66.7)	4.6168	.59069	Sangat tinggi
P5	Saya sentiasa melakukan perancangan yang rapi dan menarik minat murid-murid sebelum melaksanakan proses pengajaran di dalam bilik darjah.	1 (0.1)	2 (0.2)	27 (3.2)	270 (31.5)	556 (65.0)	4.6098	.57398	Sangat tinggi
Purata							4.4758	.56655	Sangat tinggi
<u>Pengurusan Disiplin Murid</u>									
D1	Saya memastikan tiada kewujudan kumpulan tertentu yang boleh menimbulkan masalah disiplin di dalam bilik darjah.	1 (0.1)	4 (0.5)	45 (5.3)	238 (27.8)	568 (66.4)	4.5981	.62291	Sangat tinggi
D2	Saya sering memastikan tiada halangan komunikasi antara guru dan murid di dalam bilik darjah semasa mengendalikan isu disiplin.	1 (0.1)	4 (0.5)	44 (5.1)	285 (33.3)	522 (61.0)	4.2456	.42709	Tinggi
D3	Saya sentiasa memberikan pujian dan ganjaran berupa hadiah kepada murid-murid yang menunjukkan perlakuan yang baik di dalam bilik darjah.	1 (0.1)	8 (0.9)	40 (4.7)	267 (31.2)	540 (63.1)	4.2619	.44047	Tinggi
D4	Saya menggunakan pelbagai kaedah pengajaran supaya perhatian murid terlekat pada pengajaran dan disiplin murid dapat dikawal dalam bilik darjah.	0 (0.0)	3 (0.4)	37 (4.3)	244 (28.5)	572 (66.8)	4.6180	.58648	Sangat tinggi
D5	Saya menggunakan kaedah kaunseling dalam menyelesaikan masalah disiplin murid di dalam bilik darjah.	2 (0.2)	8 (0.9)	59 (6.9)	204 (23.8)	583 (68.1)	4.5864	.68193	Sangat tinggi
Purata							4.4620	0.55178	Sangat tinggi

TAHAP KEBERKESANAN PENGURUSAN BILIK DARJAH GURU

Jadual 6 menunjukkan dapatan tahap keberkesanan pengurusan bilik darjah guru sekolah rendah Daerah Klang, yang diukur berpandukan enam komponen iklim, iaitu iklim fizikal (F), iklim sosial (S), iklim emosi (E), komunikasi dan interaksi (K), pengurusan pembelajaran dan pengajaran dalam bilik darjah (P),

dan pengurusan disiplin murid (D). Didapati bahawa kesemua aspek mencatatkan tahap yang sangat tinggi.

Aspek iklim fizikal merekodkan keberkesanan yang sangat tinggi dengan purata min 4.5371. Kesemua item mencatatkan tahap yang sangat tinggi kecuali item F7 yang mencatatkan tahap yang tinggi. Item F1 merekodkan tahap keberkesanan paling tinggi ($m=4.6951$, $s.p.=0.59963$). Sebanyak 652 orang (76.2%) memilih sangat setuju manakala hanya

seorang (0.1%) sahaja yang sangat tidak setuju dengan kenyataan ini. Di samping itu, item F7 ($m=4.2479$, $s.p.=0.53801$) pula menunjukkan tahap keberkesanan pengurusan yang tinggi dengan 525 responden (61.3%) menjawab sangat setuju dan hanya dua responden (0.2%) menjawab sangat tidak setuju. Dapatan ini menunjukkan bahawa secara purata, responden berpendapat dari aspek fizikal, mereka mempunyai keberkesanan pengurusan bilik darjah yang sangat tinggi.

Aspek iklim sosial juga merekodkan keberkesanan yang sangat tinggi dengan purata min 4.4907. Kesemua item mencatatkan tahap yang sangat tinggi kecuali item S6 yang mencatatkan tahap yang tinggi. Item S5 ($min=4.5981$, $s.p.=0.60963$) menunjukkan tahap keberkesanan yang paling tinggi daripada keseluruhan aspek tersebut, di mana seramai 561 responden (65.5%) menjawab sangat setuju dan 7 responden (0.8%) yang tidak setuju dengan kenyataan itu. Di samping itu, item S6 ($m=4.1426$, $s.p.=0.54366$) merekodkan tahap keberkesanan yang tinggi sahaja berbanding item-item yang lain. Sebanyak 525 responden (61.3%) memilih sangat setuju manakala hanya 2 responden (0.2%) yang sangat tidak setuju dengan kenyataan itu. Dapatan ini menunjukkan bahawa secara purata, responden berpendapat dari aspek sosial, mereka mempunyai keberkesanan pengurusan bilik darjah yang sangat tinggi.

Aspek iklim emosi merekodkan keberkesanan yang sangat tinggi dengan purata min 4.4691. Kesemua item mencatatkan tahap yang sangat tinggi kecuali item E2 yang mencatatkan tahap yang tinggi. Item E3 ($min=4.5689$, $s.p.=0.61552$) menunjukkan tahap keberkesanan yang paling tinggi daripada keseluruhan aspek tersebut, di mana seramai 534 responden (62.4%) menjawab sangat setuju dan 2 responden (0.2%) yang tidak setuju dengan kenyataan itu. Di samping itu, item E2 ($m=4.2256$, $s.p.=0.53635$) merekodkan tahap keberkesanan yang tinggi sahaja berbanding item-item yang lain. Sebanyak 520 responden (60.7%) memilih sangat setuju manakala hanya 3 responden (0.4%) yang sangat tidak setuju dengan kenyataan itu. Dapatan ini menunjukkan bahawa secara purata, responden berpendapat dari aspek emosi, mereka mempunyai keberkesanan pengurusan bilik darjah yang sangat tinggi.

Aspek komunikasi dan interaksi juga merekodkan keberkesanan yang sangat tinggi dengan purata min 4.5061. Kesemua item mencatatkan tahap yang sangat tinggi kecuali item K1 yang mencatatkan tahap yang tinggi. Item K5 ($min=4.5923$, $s.p.=0.61816$) menunjukkan tahap keberkesanan yang paling tinggi daripada keseluruhan aspek tersebut, di mana seramai 557 responden (65.1%) menjawab sangat setuju dan 2 responden (0.2%) yang tidak setuju dengan kenyataan itu. Di samping itu, item K1 ($m=4.2327$, $s.p.=0.55702$) merekodkan tahap keberkesanan yang tinggi sahaja

berbanding item-item yang lain. Sebanyak 521 responden (60.9%) memilih sangat setuju manakala hanya 2 responden (0.2%) yang sangat tidak setuju dengan kenyataan itu. Dapatan ini menunjukkan bahawa secara purata, responden berpendapat dari aspek komunikasi dan interaksi, mereka mempunyai keberkesanan pengurusan bilik darjah yang sangat tinggi.

Aspek pengurusan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah merekodkan keberkesanan yang sangat tinggi dengan purata min 4.4758. Kesemua item mencatatkan tahap yang sangat tinggi kecuali item P3 yang mencatatkan tahap yang tinggi. Item P4 ($min=4.6168$, $s.p.=0.59069$) menunjukkan tahap keberkesanan yang paling tinggi daripada keseluruhan aspek tersebut, di mana seramai 571 responden (66.7%) menjawab sangat setuju dan 5 responden (0.6%) yang tidak setuju dengan kenyataan itu. Di samping itu, item P3 ($m=4.2701$, $s.p.=0.49412$) merekodkan tahap keberkesanan yang tinggi sahaja berbanding item-item yang lain. Sebanyak 530 responden (61.9%) memilih sangat setuju manakala hanya 4 responden (0.5%) yang tidak setuju dengan kenyataan itu. Dapatan ini menunjukkan bahawa secara purata, responden berpendapat dari aspek pengurusan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah, mereka mempunyai keberkesanan pengurusan bilik darjah yang sangat tinggi.

Aspek pengurusan disiplin murid juga merekodkan keberkesanan yang sangat tinggi dengan purata min 4.4620. Item-item D1, D4, dan D5 mencatatkan tahap yang sangat tinggi manakala item-item D2 dan D3 mencatatkan tahap yang tinggi. Item D4 ($min=4.6180$, $s.p.=0.58648$) menunjukkan tahap keberkesanan yang paling tinggi daripada keseluruhan aspek tersebut, di mana seramai 572 responden (66.8%) menjawab sangat setuju dan 3 responden (0.4%) yang tidak setuju dengan kenyataan itu. Di samping itu, item D2 ($m=4.2456$, $s.p.=0.42709$) merekodkan tahap keberkesanan yang tinggi sahaja dan terendah berbanding item-item yang lain. Sebanyak 522 responden (61.0%) memilih sangat setuju manakala hanya 4 responden (0.5%) yang tidak setuju dengan kenyataan itu. Dapatan ini menunjukkan bahawa secara purata, responden berpendapat dari aspek pengurusan disiplin murid, mereka mempunyai keberkesanan pengurusan bilik darjah yang sangat tinggi.

HUBUNGAN ANTARA TAHAP TEKAPAN KERJA GURU DENGAN TAHAP KEBERKESANAN PENGURUSAN BILIK DARJAH GURU

Jadual 8 menunjukkan dapatan analisis korelasi Pearson antara tahap tekanan kerja guru dengan tahap keberkesanan pengurusan bilik darjah guru.

Dapatan menunjukkan secara spesifiknya, terdapat hubungan positif yang signifikan antara tahap tekanan

kerja guru dan keenam-enam aspek tahap keberkesanan pengurusan bilik darjah guru. Empat aspek menunjukkan korelasi positif yang kuat, iaitu iklim dan persekitaran bilik darjah (iklim fizikal) ($r=.534$, $N=856$, $p<0.1$), iklim dan persekitaran bilik darjah (iklim sosial) ($r=.628$, $n=856$, $p<0.1$), komunikasi dan interaksi ($r=.734$, $n=856$, $p<0.1$), dan pengurusan disiplin murid ($r=.662$, $n=856$, $p<0.1$). Dua aspek menunjukkan korelasi positif yang sederhana, iaitu iklim dan persekitaran bilik darjah (iklim emosi) ($r=.418$, $N=856$, $p<0.1$) dan pengurusan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah ($r=.422$, $N=856$, $p<0.1$).

Secara keseluruhannya, terdapat hubungan positif yang signifikan dan kuat antara tahap tekanan kerja guru dan tahap pengurusan bilik darjah secara keseluruhan ($r=.785$, $N=856$, $p<0.1$). Dapatan ini menunjukkan bahawa guru-guru di Daerah Klang berpendapat bahawa semakin tinggi tahap tekanan

kerja yang dihadapi mereka, semakin tinggi tahap pengurusan bilik darjah mereka secara keseluruhan. Justeru, H_0 gagal ditolak.

Dapatan kajian ini adalah bertentangan dengan kajian lepas yang menunjukkan bahawa tekanan kerja dalam kalangan guru mempunyai pengaruh negatif yang signifikan kepada keberkesanan pengurusan bilik darjah guru (Gilmour et al. 2022). Dapat diinterpretasikan bahawa guru-guru di Daerah Klang berpendapat tekanan kerja yang tinggi tidak menjejaskan kualiti kerja mereka, khususnya dalam pengurusan bilik darjah. Guru-guru berpendapat mereka masih mempunyai pengurusan bilik darjah yang baik dan masih mampu membuat perancangan dan persediaan dengan berkesan, menyampaikan isi kandungan secara konsisten, mengawal tingkah laku pelajar dan mengekalkan rekod kelas secara efektif walaupun mempunyai tekanan kerja yang tinggi.

JADUAL 8. Korelasi antara Tahap Tekanan Kerja Guru dengan Tahap Keberkesanan Pengurusan Bilik Darjah Guru

		TTKG	F	S	E	K	P	D	PBD
Tahap Tekanan Kerja Guru (TTKG)	Korelasi Pearson	1	.534**	.628**	.418**	.734**	.422**	.662**	.785**
	N	856	856	856	856	856	856	856	856
Iklim dan Persekitaran Bilik Darjah (Iklim Fizikal) (IF)	Korelasi Pearson	.534**	1						
	N	856	856						
Iklim dan Persekitaran Bilik Darjah (Iklim Sosial) (IS)	Korelasi Pearson	.628**		1					
	N	856		856					
Iklim dan Persekitaran Bilik Darjah (Iklim Emosi) (IE)	Korelasi Pearson	.418**			1				
	N	856			856				
Komunikasi dan Interaksi (KI)	Korelasi Pearson	.734**				1			
	N	856				856			
Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran di dalam Bilik Darjah (PNP)	Korelasi Pearson	.422**					1		
	N	856					856		
Pengurusan Disiplin Murid (PDM)	Korelasi Pearson	.662**						1	
	N	856						856	
Tahap Pengurusan Bilik Darjah (Keseluruhan) (PBD)	Korelasi Pearson	.785**							1
	N	856							856

**Korelasi signifikan pada tahap 0.1

KESIMPULAN

Kajian ini telah mengukur persepsi sendiri guru-guru sekolah rendah di Daerah Klang tentang tahap tekanan kerja mereka dan tahap keberkesanan pengurusan bilik darjah mereka, serta hubungan antara kedua-dua aspek tersebut. Dapatan menunjukkan guru-guru berpendapat mereka mempunyai tahap tekanan kerja yang tinggi dan tahap keberkesanan pengurusan bilik darjah yang sangat tinggi. Tahap tekanan kerja juga didapati mempunyai hubungan yang signifikan dan positif dengan tahap keberkesanan pengurusan bilik darjah, yang menunjukkan bahawa semakin tinggi tahap tekanan kerja yang dihadapi mereka, semakin tinggi tahap pengurusan bilik darjah mereka secara keseluruhan. Dapat disimpulkan bahawa guru-guru sekolah rendah di Daerah Klang berpendapat tekanan kerja yang tinggi tidak menjejaskan kualiti kerja mereka secara negatif. Implikasinya, punca tekanan kerja yang tinggi dalam kalangan guru perlu dikaji agar ianya dapat diatasi contohnya dengan cara mempelbagaikan tugas dan tanggungjawab dengan menggunakan berbagai-bagai instrumen dan kaedah alternatif, peralatan dan bahan bantu mengajar, serta menggunakan strategi dan kaedah pengurusan taktik menyelesaikan masalah secara berkumpulan agar guru-guru dapat memperoleh kepuasan kerja yang lebih tinggi seterusnya menyumbang kepada kualiti kerja yang lebih baik. Hasil kajian ini memberi maklumat yang penting kepada Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai majikan untuk mengkaji punca tekanan kerja dan mencari jalan penyelesaian, kaunselor-kaunselor dan guru-guru kaunseling sebagai rakan sejawat untuk membantu dalam memberi cadangan dan sokongan dalam mewujudkan iklim dan persekitaran kerja yang lebih baik yang dapat menyokong kesihatan mental guru-guru, serta pelajar-pelajar atau bakal pelajar yang mempunyai minat dalam menceburi bidang Pendidikan secara profesion tentang realiti profesion pendidikan. Kajian ini mempunyai beberapa limitasi secara metodologi. Pertama, kajian ini menggunakan instrumen soal selidik penilaian sendiri. Oleh itu, dapatan kajian ini terbatas hanya kepada persepsi guru-guru tentang tahap tekanan kerja yang dihadapi mereka serta tahap keberkesanan pengurusan bilik darjah mereka sendiri. Dicadangkan kajian akan datang untuk menggunakan instrumen pengukuran yang lebih ketat agar dapat memperoleh keputusan yang lebih terperinci. Kedua, kajian ini adalah kajian korelasi, di mana ianya tidak menunjukkan hubungan sebab akibat antara kedua-dua aspek, di mana walaupun guru-guru berpendapat tekanan kerja yang tinggi tidak menjejaskan tahap pengurusan bilik darjah mereka, tekanan kerja yang tinggi tersebut boleh menjejaskan aspek-aspek lain dalam kerjaya mereka, bahkan kehidupan peribadi mereka. Dicadangkan kajian akan datang mengkaji

kesan tekanan kerja yang tinggi terhadap aspek-aspek lain dalam bidang kerjaya pendidikan serta menggunakan instrumen pengukuran yang lebih ketat secara metodologi.

RUJUKAN

- Amin, N. B., Amir, A. M., & Ismail, S. F. 2019. Key Performance Indicators Tugas, Ganjaran Dan Prestasi Kerja Guru Di Sekolah Kerajaan. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*
- Antin, A., & Kiflee, D. N. B. A. 2018. Pengaruh beban tugas dan motivasi terhadap keefisienan kerja guru sekolah menengah di Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 3(2), 77-84.
- Apak, J., & Taat, M. S. 2018. Pengaruh kesediaan guru terhadap pengurusan bilik darjah abad ke-21. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 3(4), 6-22.
- Ariffin, A., Nordian, N. F. N., Hamzah, N., Zakaria, N., & Rubani, S. N. K. 2021. Hubungan Antara Sikap Pelajar dengan Tahap Tekanan Guru Program Pendidikan Inklusif dalam Pendidikan Teknikal dan Vokasional. *Online Journal for TVET Practitioners*, 6(1), 7-14.
- Borg, M. G., Riding, R. J., & Falzon, J. M. 1991. Stress in teaching: A study of occupational stress and its determinants, job satisfaction and career commitment among primary schoolteachers. *Educational psychology*, 11(1), 59-75.
- Boyle, G. J., Borg, M. G., Falzon, J. M., & Baglioni Jr, A. J. 1995. A structural model of the dimensions of teacher stress. *British Journal of Educational Psychology*, 65(1), 49-67.
- Chan, D. W., & Hui, E. K. 1995. Burnout and coping among Chinese secondary school teachers in Hong Kong. *British journal of educational psychology*, 65(1), 15-25.
- Cooper, C. L. dan J. Marshall. 1976. Occupational Sources of Stress: A Review of the Literature Relating To Coronary Heart Disease and Mental Ill Health. *Journal of Occupational Psychology*. 49: 11-28.
- Creswell, J. W. 2002. *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative* (Vol. 7). Prentice Hall Upper Saddle River, NJ.
- Farber, B. A. 1991. *Crisis in education: Stress and burnout in the American teacher*. Jossey-Bass.
- Gilmour, A. F., Sandilos, L. E., Pilny, W. V., Schwartz, S., & Wehby, J. H. 2022. Teaching students with emotional/behavioral disorders: Teachers' burnout profiles and classroom management. *Journal of Emotional and Behavioral Disorders*, 30(1), 16-28.
- Hong, O. C., & Ismail, A. 2017. Sokongan pihak pengurusan sekolah terhadap tekanan kerja guru di sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan Cina. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 2(2), 42-57.
- Ishak, R., & Rusman, S. N. F. 2018. Prestasi kerja guru dan hubungannya dengan faktor beban tugas, persekitaran kerja dan personal: Kajian kes di sebuah sekolah di Sabah. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 5(1), 1-15.

- Kamarudin, S. B., & Taat, M. S. 2020. Pengaruh Faktor-faktor Tekanan Kerja dalam kalangan Guru di Sekolah Menengah: Satu Analisis Persamaan Struktur (SEM-PLS). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(11), 104-115.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and psychological measurement*, 30(3), 607-610.
- Lius, L., & Mahamod, Z. 2021. Tahap Tekanan Guru Bahasa Melayu Di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Terhadap Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 361-373.
- Mohd Hasani Dali & Mohamad Johdi Salleh. 2009. 'Pengurusan Bilik Darjah'. Dalam Noraini Idis dan Shuki Osman, *Pengajaran dan Pembelajaran: Teori dan Praktis*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Mok Soon Sang. 2011. *Siri Pengajian Profesional: Literatur dan Kaedah Penyelidikan*. Selangor. Penerbitan Multimedia Sdn.Bhd
- Muttalip, D. A., Amir, R., & Amat, S. 2021. Hubungan Tingkah Laku Kepimpinan Guru Besar dan Beban Kerja Guru Terhadap Prestasi Kerja Guru. *Jurnal dunia pengurusan*, 3(1), 30-40.
- Noraini Idis dan Shuki Osman. 2009. *Pengajaran dan Pembelajaran: Teori dan Praktis*. Kuala Lumpur: McGraw Hill
- Siti Rohani Md. Sharif. 1991. Pengaruh Faktor Sekolah ke Atas Tekanan Guru. Tesis Sarjana Pendidikan, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Tee Sook Kim 2006. *Stres Kerja di Kalangan Guru Aliran Teknik di Sekolah Menengah Teknik di Negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan*. 1-156. Universiti Teknologi Malaysia.
- Warr, P. B., & Wall, T. D. 1975. *Work and Well-being* (Vol. 578). Penguin Group.

Hematharshini A/P Subramaniam
Fakulti Pendidikan
Universiti Malaya
Emel: hemashini99@yahoo.com

Intan Marfarrina Omar
Fakulti Pendidikan
Universiti Malaya
Emel: imarfarrina@um.edu.my

*Pengarang untuk surat-menyurat, emel: imarfarrina@um.edu.my